

January 2015



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

th
ISSUE

69 info kampus

UITM SARAWAK BULLETIN



ISSN 2232-1578



9 772232 157005

Malam Sejambak Kasih

Oleh: Mohd Noor Asraff Hamdi



Pada 16 Disember 2014, telah diadakan malam penghargaan kepada staf bersara atau lebih dikenali sebagai Malam Sejambak Kasih. Majlis makan malam mini adalah tanda penghargaan UiTM Sarawak kepada pesara yang telah menaburkan banyak bakti demi kesejahteraan Universiti Teknologi MARA. Majlis tersebut diadakan di Hotel Merdeka Palace di mana ianya dihadiri oleh 11 orang pesara serta pasangan masing-masing seperti berikut:

- | | |
|--|--------------------------------|
| 1. Prof. Madya Dr. Abang Ahmad Ridzuan b. Abang Awit | 6. Encik Idris b. Arbi |
| 2. Encik Senian Malie | 7. Puan Maimon bt. Ali |
| 3. Encik Mohd Sapawi Jamain | 8. Encik Abdul Karim b. Othman |
| 4. Puan Hariah bt. Mat | 9. Encik Juan b. Mohamed Jalil |
| 5. Puan Juita bt. Kadir | 10. Tuan Haji Annuar Bolhi |
| | 11. Encik Idris b. Hj Nawawi |


Majlis dimulakan setibanya kedatangan Ybhg. Dato Rektor, Prof. Dato Dr. Jamil Hj Hamali dan Prof. Madya Dr. Firdaus Abdullah. Dato Rektor memberi ucapan aluan dan penghargaan kepada pesara yang telah banyak menabur bakti kepada UiTM sepanjang perkhidmatan mereka di universiti. Selesai ucapan aluan daripada Dato Rektor, majlis diteruskan dengan persembahan multimedia yang memaparkan gambar-gambar pesara semasa mereka berkhidmat dengan universiti. Pesara juga diberi peluang untuk berucap di pentas bagi menyatakan rasa terima kasih mereka kepada UiTM. Majlis malam tersebut juga diisi dengan persembahan nyanyian daripada Encik Ahmad Lotfi Hj Arrifin selaku Timbalan Pendaftar Kanan, Encik Adzwa Kamri selaku Pegawai Sukan dan Encik Mohd Sapawi Jamain selaku pesara. Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderamata kenangan yang disampaikan oleh Dato Rektor kepada para pesara.

FORUM KEUSAHAWANAN "FUTURE ENTREPRENEURIAL DAY"

Oleh: Zainon binti Haji Bibi



Pada 21 Jun 2014, bertempat di Dewan Kuliah 1, pihak MASMED telah mengadakan forum keusahawanan "Future Entrepreneurial Day" di mana ianya bertujuan untuk memberi kesedaran kepada pelajar tentang kepentingan bidang keusahawanan. Di antara objektif yang dapat dicapai adalah perkongsian kejayaan program Siswa Niaga UiTM Sarawak dan memberi kesedaran kepada pelajar bahawa bidang keusahawanan adalah satu kerjaya, bukan alternatif. Program ini menggunakan kaedah forum iaitu soalan ditanya kepada setiap penceramah berkaitan dengan usaha, kekangan atau masalah, faktor dan sebagainya bagi membantu pelajar menyelami susah senang sebagai seorang usahawan. Beberapa orang panel penceramah telah dijemput seperti Dato Wee Hong Seng, Tuan Haji Mahmud Sabli dan Puan Noor Asmah Bt Mohamed Mokhtar.



**UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK**

Corporate Communications & International Relations

**Universiti Teknologi MARA Sarawak
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,
Peti Surat 1258, 93312 Kuching,
Sarawak, Malaysia**

**Tel: 082 - 677 200 | Fax: 082 - 677 300
E-mail: corporate@sarawak.uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my**